

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-41

BURSA MALAYSIA BERHAD (30632-P)  
(DIPERBADANKAN DI MALAYSIA DI BAWAH AKTA SYARIKAT, 2016)



**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan ke-41 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Ballroom 2, Tingkat 1, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Rabu, 28 Mac 2018 pada jam 10.00 pagi untuk pelaksanaan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya.
2. Untuk melantik semula para pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 69 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
  - (1) Datuk Karownikaran @ Karunakaran a/l Ramasamy **Resolusi 1**
  - (2) Encik Pushpanathan a/l S.A. Kanagarayar **Resolusi 2**
  - (3) Datin Grace Yeoh Cheng Geok **Resolusi 3**
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah berjumlah RM300,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM200,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. **Resolusi 4**
4. Untuk meluluskan pembayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sebanyak RM2,400,000, bermula 29 Mac 2018 hingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat tahun yang berikutnya. **Resolusi 5**
5. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah bagi menetapkan imbuhan mereka. **Resolusi 6**

## Urusan Khas

6. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan Resolusi Khas berikut:

### Cadangan Perubahan atau Pindaan kepada Perlembagaan Syarikat

“BAHAWA dengan ini kelulusan diberikan untuk mengubah atau meminda keseluruhan Perlembagaan Syarikat yang sedia ada dengan menggantikannya dengan Perlembagaan Syarikat yang baharu seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran A dengan serta merta DAN BAHAWA Lembaga Pengarah Syarikat dengan ini diberi kuasa untuk memberi persetujuan kepada mana-mana syarat, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin diperlukan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan, dan melaksanakan semua tindakan dan perkara serta mengambil semua langkah yang dianggap wajar bagi pelaksanaan penuh perkara yang dinyatakan di atas.”

**Resolusi 7**

7. Untuk melaksanakan urusan-urusan lain yang mana notis yang sewajarnya telah diberikan menurut Akta Syarikat, 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan ahli yang layak untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan ke-41 ini, pihak Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 49A(2) Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung bertarikh 21 Mac 2018. Hanya pendeposit yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit bertarikh 21 Mac 2018 sahaja layak menghadiri mesyuarat ini atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

## MENURUT PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Yong Hazadurah binti Md. Hashim, LS 006674  
Hong Soo Yong, MAICSA 7026744  
Setiausaha-setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
28 Februari 2018